

# NATIONAL SYMPOSIUM ON ADVANCEMENTS IN ERGONOMICS AND SAFETY (ERGOSYM2009)

Berdasarkan perkembangan terkini dalam bidang ergonomik dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan simposium kebangsaan ERGOSYM2009 dengan bertemakan 'Structuring Ergonomics and Safety to Work: Current Trends and Best Practices'.

Simposium ini telah diadakan di bilik seminar PPK Pembuatan, Kampus Ulu Pauh pada 1-2 Disember 2009 dan telah dirasmikan oleh En Idris Abd Rahman, Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Perlis.

Penceramah jemputan (Keynote Speaker) untuk simposium ini adalah Prof Madya Dr Suebsak Nanthavanij dari Thammasat University dari Thailand dan Dr Jalaluddin Dahalan dari Ergoworks Sdn Bhd.

Memandangkan ini kali pertama simposium seumpamanya diadakan di Malaysia, PPK Pembuatan hanya meletakkan

sasaran sebanyak 30 penyertaan sahaja. Sambutan yang diterima amat menggalakkan di mana 46 kertas kerja di terima termasuk satu kertas kerja dari luar Negara iaitu Filipina.

Kertas kerja yang dibentangkan adalah sebanyak 32. Peserta yang hadir ke simposium ini adalah terdiri daripada penyelidik-penyeleidik institut pengajian tinggi (IPT), agensi penyelidikan dan juga industri seperti Intel, Felda, Murphy Sarawak Oil dan lain-lain lagi.

Bersempena dengan simposium ini, pada 30 November 2009 telah diadakan Bengkel Ergonomik yang telah dihadiri 15 orang peserta. Fasilitator untuk bengkel ini ialah Prof Madya Dr Suebsak Nanthavanij dan Prof Madya Dr Siti Zawiah Md Dawal dari Universiti Malaya.

Secara keseluruhannya, simposium ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan adalah diharapkan ia akan dapat diteruskan pada masa akan datang.